

Jalinan Khidmat Masyarakat Universiti Malaya dan SMK Labuan



Labuan, 12 Okt – Universiti Malaya dan SMK Labuan telah mengadakan Program Khidmat Jalinan Masyarakat pada 11 Oktober bertempat di SMK Labuan dan Dewan SK Pekan Satu.

Program yang diadakan di bawah Pusat Kecemerlangan Perniagaan, Fakulti Perniagaan & Perakaunan, Universiti Malaya yang menawarkan khidmat jalinan masyarakat mereka kepada beberapa sekolah di Malaysia.

Tawaran tersebut telah diterima baik oleh SMK Labuan memandangkan wujud keperluan untuk membantu pelajar khususnya yang berkaitan dengan kemahiran teknik menjawab Pengajian Perniagaan STPM dan Prinsip Perakaunan SPM.

Selain daripada itu, program bersama Universiti Malaya ini juga dimanfaatkan untuk memotivasi pelajar serta mendedahkan kepada pelajar tentang peluang untuk meneruskan pengajian di Universiti Malaya.

Antara objektif program, pelajar mengetahui teknik menjawab soalan peperiksaan yang menepati skema jawapan, memperolehi maklumat tentang kaedah ulangkaji yang berkesan, mendapat tips untuk menguasai dan memahami teknik yang sukar, meningkatkan keyakinan mereka untuk menjawab soalan, mendapat dorongan untuk berusaha meningkatkan gred keputusan sekaligus meningkatkan Gred Purata Sekolah (GPS) dalam keputusan peperiksaan.

Kemuncak program ini menjadi lebih bermakna kerana pihak Universiti Malaya dan SMK Labuan telah menandatangani Surat Hasrat (Letter of Intent) yang bakal mengangkat SMK Labuan sebagai 'Feeder College' kepada Universiti Malaya.



Encik Ismail (kanan) dan Dr Ahmad Zahiruddin (kiri) menandatangani Surat Hasrat

Kandungan Surat Hasrat PraUniversiti SMK Labuan dan Pusat Kecemerlangan Perniagaan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya adalah seperti berikut :

PRAUNIVERSITI SMK LABUAN bersedia dan komited untuk membekalkan pelajar-pelajar dari aliran kemanusiaan dan sains yang berkualiti dan berkelayakan untuk mengikuti

pengajian di Fakulti Perniagaan & Perakaunan.

PUSAT KECEMERLANGAN PERNIAGAAN, FAKULTI PERNIAGAAN & PERAKAUNAN, UNIVERSITI MALAYA bersedia membimbing para pelajar PRAUNIVERSITI SMK LABUAN mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek, dengan sasaran jangka panjang menjadikan PRAUNIVERSITI SMK LABUAN sebagai "Feeder College" utama yang berupaya menyumbang ramai calon siswa iaitu pelajar-pelajar lepasan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM) melanjutkan pelajaran ke UNIVERSITI MALAYA, tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan universiti sedia ada.

PRAUNIVERSITI SMK LABUAN dan UNIVERSITI MALAYA melalui PUSAT KECEMERLANGAN PERNIAGAAN, FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN & PERAKAUNAN akan sentiasa bekerjasama, komited melalui program yang disusun untuk membantu melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti dalam bidang pengurusan perniagaan & perakaunan serta bidang berkaitan.

Pegawai Universiti Malaya yang hadir ialah Pengarah Pusat Kecemerlangan Perniagaan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Dr Ahmad Zahiruddin Yahya dan Fellow, Pusat Kecemerlangan Perniagaan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Dr Jumaat Abd Moen.

Sumber Berita : SMK Labuan